

Insentif Belia PRS

Terma dan syarat

Syarat-syarat yang berkaitan dengan insentif adalah seperti berikut:

1. Caruman kasar tidak boleh diperolehi daripada sumbangan majikan (sama ada melalui jadual berkala atau sebaliknya), hanya caruman secara individu yang layak.
2. Caruman kasar tidak boleh dibuat melalui pemindahan dana daripada Penyedia yang berbeza, namun pertukaran antara dana daripada Penyedia yang sama adalah dibenarkan.
3. Insentif RM1,000 hanya sah untuk caruman PRS yang dibuat dalam tempoh bermula 1 Januari 2017 hingga 31 Disember 2018.
4. Ahli PRS yang sebelum ini telah layak untuk Insentif Belia PRS sebanyak RM500 dalam tempoh 2014 hingga 2016 tidak layak untuk menerima Insentif Belia PRS RM1,000. Sekiranya anda seorang Ahli PRS sedia ada atau Ahli baru yang masih belum mendapat sebarang manfaat daripada insentif ini, anda layak menerima RM1,000 Insentif Belia PRS sekiranya anda mencarum sekurang-kurangnya RM1,000 sebelum anda mencapai umur 31 tahun antara tempoh 2017 hingga 2018.
5. Jumlah caruman kasara minimum mestilah RM1,000 termasuk semua yuran dan caj.
6. RM1,000 mestilah daripada satu Dana PRS sahaja. Jika individu telah melabur RM500 ke dalam Dana Pertumbuhan, RM500 ke dalam Dana Sederhana dan RM500 ke dalam Dana Konservatif daripada Penyedia yang sama, dia akan dikecualikan daripada menerima insentif kerana tidak memenuhi syarat caruman minimum dalam satu Dana.

Contoh kelayakan berdasarkan umur ahli

CONTOH KELAYAKAN BERDASARKAN UMUR AHLI

Ahli akan berumur 31 tahun pada 26 Jun, 2018 dengan caruman berikut :

Tarikh Caruman	Nama dana	RM	
30 Jun 2018	Dana Pertumbuhan XYZ	1,000	✗ Ahli yang berumur lebih dari 31 tahun pada tahun 2017-2018 tidak layak untuk insentif Belia PRS
21 Ogos 2018	Dana Pertumbuhan XYZ	1,000	✓ Ahli layak untuk Insentif Belia PRS kerana belum mencapai umur 31 tahun

Ahli yang akan berumur 20 tahun pada 3 Julai 2018 dan telah mencarum secara berkala dari Januari 2018

Tarikh Caruman	6 Jan	6 Feb	6 Mac	6 Apr	6 Mei	6 Jun	6 Julai	6 Ogos	6 Sept	6 Okt	6 Nov	6 Dis
RM	100	100	100	100	100	100	100	100	100	100	100	*500

✗ Ahli yang membuat caruman dari Januari hingga Jun tidak layak untuk Insentif Belia PRS kerana ahli belum mencapai umur 20 tahun dalam tempoh ini

✓ Ahli yang membuat caruman dari bulan Julai hingga Disember layak untuk menerima Insentif Belia PRS selagi jumlah carumannya mencapai RM1,000. Dalam kes ini, ahli mencarum sebanyak RM500 pada bulan Disember dan bukan caruman tetap sebanyak RM100

Ahli berumur 20 tahun pada 3 Julai 2018 dan telah membuat caruman sekaligus :

Tarikh Caruman	Nama dana	RM	
30 Jun 2018	Dana Pertumbuhan XYZ	1,000	✗ Ahli tidak layak menerima Insentif Belia PRS kerana belum mencapai umur 20 tahun
21 Ogos 2018	基金 Dana Pertumbuhan XYZ	1,000	✓ Ahli layak untuk menerima Insentif Belia PRS

Caruman Kasar berkala

Jumlah caruman kasar sebanyak RM1,000 mesti dikumpulkan dalam 2017-2018.

Caruman majikan

Caruman majikan yang dibuat kepada akaun PRS sebagai sebahagian daripada manfaat pekerja dikecualikan daripada insentif ini. Hanya caruman individu yang dibuat layak untuk menerima insentif tersebut.

Walau bagaimanapun, sekiranya caruman yang dibuat melalui potongan gaji, individu tersebut layak untuk menerima insentif ini (tertakluk sama ada telah memenuhi syarat kelayakan lain), kerana caruman itu adalah daripada gaji individu itu sendiri.

Yuran, Caj dan Cukai

Insentif RM1,000 tidak akan dikenakan yuran tahunan PPA dan caj jualan Penyedia.

Permohonan Pelepasan Cukai ke atas Insentif Belia

Sila ambil perhatian bahawa insentif *one-off* sebanyak RM1,000 daripada kerajaan kepada pencarum berkeelayakan tidak melayakkan ahli untuk membuat tuntutan pelepasan cukai sebanyak RM3,000 kerana caruman tersebut tidak dibuat dalam kapasiti individu